




## 1. Kurangkan kos bukan gaji, uruskan tenaga manusia lebih

**Syarikat boleh teliti keperluan tenaga manusia jangka panjang, kurangkan kos dan uruskan tenaga manusia lebih dengan:**

- Beri tumpuan pada latihan dan peningkatan kemahiran
- Amalkan jadual pekerjaan fleksibel
- Sokong pekerja terjejas yang ingin dapatkan pekerjaan kedua untuk tambahan pendapatan



## 2. Teruskan transformasi perniagaan dan tenaga kerja

**Manfaatkan sokongan pemerintah untuk biayai kos perniagaan dan gaji, dan teruskan usaha transformasi:**

- Adakan latihan yang dirancang untuk pekerja lebih awal
  - Dekati pertubuhan relevan untuk bangunkan pelan latihan
- Laksanakan daya usaha reka semula pekerjaan lebih awal dan latih pekerja untuk jalankan peranan baru
- Bentuk Jawatankuasa Latihan Syarikat (CTC) dengan gerakan buruh
- Kongsi keuntungan produktiviti dengan pekerja



## 3. Saranan gaji

**Majikan yang terjejas teruk dengan Covid-19 dan perlu potong gaji meskipun selepas ambil langkah 1 dan 2 harus:**

- Galak pihak pengurusan terajui contoh
- Berhati-hati untuk kurangkan kesan Covid-19 ke atas pekerja yang raih bayaran berubah-ubah berdasarkan komisen, terima bayaran bekerja lebih masa, atau diminta ambil cuti tidak berbayar
- Sesuaikan komponen berubah-ubah bulanan (MVC)
  - Jika tidak ada MVC, anggap potongan gaji asas hingga 10% sebagai potongan MVC
  - Tetapkan garis panduan untuk kembalikan potongan MVC atau gaji
- Usaha untuk bayar Tambahan Gaji Tahunan (AWS)
- Sesuaikan semua gaji pekerja dengan adil

**Oleh sebab pekerja bergaji rendah lebih terjejas dengan penyesuaian gaji, majikan harus beri pertimbangan khas, terutama mereka dalam pekerjaan barisan depan Covid-19:**

- Bagi pekerja dengan gaji \$1,400 dan ke bawah
  - Bekukan gaji jika dasar ialah untuk kurangkan gaji
  - Pertimbang kenaikan gaji tetap hingga \$50 jika dasar ialah untuk beku atau naikkan gaji
- Beri bayaran ganjaran sebagai tanda muhibah (ex gratia) kepada pekerja yang berusaha gigih membantu perniagaan



## 4. Berhentikan pekerja secara bertanggungjawab

**Pemberhentian pekerja harus menjadi pilihan terakhir. Jika ia tidak dapat dielakkan meskipun selepas kurangkan kos dan gaji, majikan harus:**

- Pilih pekerja secara adil dan objektif
- Maklumkan kepada Kementerian Tenaga Manusia dan temui kesatuan
- Berikan tempoh notis lebih lama di luar keperluan minimum di bawah Akta Pekerjaan
- Sediakan manfaat pemberhentian kerja sejajar dengan Makluman Tiga Pihak
- Bantu pekerja cari pekerjaan lain